

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2022

AKHBAR : HAKAKAH

MUKA SURAT : 12

### Ganggu pemulihan ekonomi

PRU musim tengkujuh

# Ganggu pemulihan ekonomi

Oleh AIN MANAF

**JELI:** Proses pemulihan ekonomi negara boleh terganggu sekiranya Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) tidak dilakukan serentak membabitkan semua negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Seri Mustapa Mohamed berkata, ada negeri tidak bersedia membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) akhir tahun ini.

Katanya, sekiranya PRU15 diadakan secara berasingan negara akan berdepan dengan kos pengurusan yang tinggi.

"Sedangkan kerajaan sekarang memberi tumpuan kepada pemulihan ekonomi negara. Ia juga menyusahkan rakyat khususnya pengundi yang terpaksa berdepan dengan pelbagai kekejaman.

"Selain itu juga, kempen PRU terpaksa di-



Mustapa Mohamed menyampaikan sumbangan kepada pelajar cemerlang.

lakukan dua kali dan kemungkinan akan berlaku ketegangan dalam kalangan masyarakat," katanya pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan kepada 64 pelajar cemerlang di sini, Ahad lepas.

Negeri-negeri yang diterajui PAS iaitu Kelantan, Terengganu dan Kedah tidak akan mem-

bubarkan Dun sekiranya PRU dilakukan tahun ini.

Begitu juga negeri di bawah Pakatan Harapan (PH) iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan juga tidak akan membubarkan Dun tahun ini.

Sabah pula tidak akan mengadakan pilihan raya negeri dalam tempoh terdekat kerana masa berabak lebih tiga tahun lagi.

Mustapa juga berkata, kerajaan memberi tumpuan terutama isu ekonomi dalam Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan 7 Oktober ini dalam usaha memulih ekonomi.

Malah katanya, kerajaan juga mahu memastikan ekonomi negara tumbuh sebanyak 5.3 hingga 6.3 peratus seperti yang dijangka tahun ini.